

PENTING/PENAFIAN

INI IALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.

<p>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini sebelum membuat permohonan dan memutuskan untuk menerima Akaun Pelaburan Berjangka (TIA-i). Juga pastikan yang anda membaca terma dan syarat umum.</p> <p>Maklumat yang diberikan hanyalah berkaitan dengan maklumat am produk ini. Terma-terma dan syarat-syarat dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk ialah bersifat tentatif/jangkaan dan boleh berubah atas budi bicara Bank.</p>	<p>NAMA PRODUK: AKAUN PELABURAN BERJANGKA (TIA-i) PROMOSI BONUS 7-HARI TIA-i</p> <p><i>(Bermula 31 Disember 2019 sehingga 6 Januari 2020)</i></p> <p>PRODUK INI TIDAK DILINDUNGGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”)</p>
---	--

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

1. Apakah Produk Ini?

<p>Kontrak Syariah yang Digunakan</p>	TIA-i ialah akaun pelaburan berjangka berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan (<i>Mudarabah</i>). Mudarabah ialah kontrak patuh syariah di antara Pemegang Akaun Pelaburan (“IAH”) sebagai pemberi modal (<i>Rabbul-Mal</i>) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“Bank”) sebagai pengurus dana (<i>Mudarib</i>). Sebarang keuntungan yang dijana daripada pelaburan di dalam aset pembiayaan Bank yang berkualiti akan dikongsi di antara IAH dan Bank berdasarkan kepada Nisbah Perkongsian Untung (PSR) yang dipersetujui bersama. Manakala, sebarang kerugian kewangan daripada pelaburan akan ditanggung oleh IAH dengan kecuali jika kerugian kewangan tersebut berpunca daripada Bank atas sebab salah laku, kecuaian, atau melanggar terma yang telah dinyatakan. Bank sebagai pengurus dana akan menanggung kerugian dari segi masa dan usaha dalam melaksanakan aktiviti pelaburan.
<p>Jenis Produk</p>	Produk ini diklasifikasikan di bawah Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA). UA merujuk kepada sejenis pelaburan di mana IAH memberikan mandat yang umum kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan mutlak tanpa menyatakan sebarang sekatan dan/atau syarat khusus.
<p>Pihak-pihak yang terlibat, tugas-tugas serta tanggungjawab mereka</p>	Pihak-pihak yang terlibat ialah IAH sebagai pelabur dan Bank yang bertindak sebagai pengurus dana yang berakujanji untuk menguruskan aktiviti pelaburan bagi pihak IAH. Di bawah produk ini, IAH tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti pelaburan.

KESESUAIAN PRODUK

2. Siapakah Yang Sesuai Dengan Produk Ini?

<p>Jenis Pelanggan</p>	i. Individu; ii. Perniagaan Tunggal.
<p>Objektif Pulangan</p>	Bertujuan untuk menjana pulangan yang stabil dan konsisten sepanjang jarak waktu pelaburan yang telah dipersetujui melalui aktiviti pelaburan yang berisiko rendah dan sederhana.

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

3. Saya Melabur Dalam Apa?

Strategi Pelaburan	Dana tersebut akan dilaburkan dalam aset pembiayaan patuh Syariah yang berkualiti dan terpilih dalam parameter risiko yang telah ditetapkan di bawah Objektif Pulangan.
Maklumat Aset-aset Pendasar	Dana tersebut akan dilaburkan dalam aset pembiayaan runcit dan komersial yang terpilih.
Jumlah Minumum Pelaburan	RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu)
Tempoh Pelaburan	3 bulan
Nisbah Perkongsian Untung (PSR)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebarang keuntungan yang dijana daripada TIA-i akan dikongsi bersama antara IAH dan Bank berdasarkan PSR 85:15 bagi pelaburan tiga (3) bulan yang telah dipersetujui bersama. • PSR juga boleh disemak semula dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Terma-terma dan Syarat-syarat, Bank akan memberikan sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari kalender kepada IAH, sebelum sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat yang baru dilaksanakan dan berkuatkuasa melalui saluran perhubungan Bank yang biasa digunakan. • Jika semakan semula tersebut dilaksanakan untuk tempoh pelaburan baru yang IAH pada awalnya telah memilih ciri pembaharuan secara automatik sama ada modal sahaja atau modal berserta keuntungan, IAH mempunyai hak untuk mengeluarkan pelaburan mereka sebelum bermulanya tempoh pelaburan baru. Sekiranya IAH tidak mengeluarkan jumlah pelaburan tersebut, IAH dianggap bersetuju dengan PSR baru yang dicadangkan dan kadar jangkaan sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank. • Sekiranya semakan semula PSR adalah untuk dilaksanakan untuk tempoh pelaburan yang berbaki, maka semakan semula PSR tersebut ke atas IAH hanya boleh dilaksanakan dari masa tersebut dan seterusnya. • Sekiranya lebihan keuntungan dijana daripada TIA-i melebihi kadar keuntungan yang dijangka, IAH bersetuju bahawa lebihan keuntungan tersebut, jika ada, hak terhadap keuntungan tersebut akan digugurkan oleh IAH di bawah prinsip Syariah, pengecualian hak tuntutan (Tanazul), dan akan dimiliki oleh Bank.
Kaedah Pembayaran Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran keuntungan dikira secara harian dan dikreditkan pada tarikh matang. • Pembayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA Hong Leong Bank Berhad (“HLBB”) milik IAH berdasarkan PSR yang telah dipersetujui.
Fi dan Caj	Tiada

Pelaburan Semula / Pembaharuan Secara Automatik	<p>1. IAH mempunyai pilihan untuk memilih ciri pembaharuan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dengan Pembaharuan Secara Automatik: <ol style="list-style-type: none"> a) Modal sahaja (P) – Keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA (HLBB) milik IAH; atau b) Modal berserta keuntungan (P+P). • Tanpa Pembaharuan Secara Automatik – pelaburan akan menjadi matang pada tarikh matang yang telah dinyatakan. Modal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA (HLBB) milik IAH. <p>2. Pembaharuan Secara Automatik tidak merupakan transaksi aktif. Wang yang disimpan dalam akaun pelaburan dengan pembaharuan automatik akan dipindahkan ke Pendaftar Wang Tak Dituntut (RUM) selepas tujuh (7) tahun pembaharuan automatik.</p> <p>3. Pembaharuan Secara Automatik bagi promosi ini adalah tertakluk kepada kadar indikatif semasa HLISB yang digunakan semasa pembaharuan dilakukan.</p>																																				
Contoh Pengiraan Keuntungan	<p>Contoh pengiraan keuntungan harian adalah seperti jadual di bawah. (Angka hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja)</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #d9e1f2;">Tarikh Pelaburan</th> <th style="background-color: #d9e1f2;">1 November 2019</th> <th style="background-color: #d9e1f2;">Nisbah Perkongsian Untung (PSR)</th> <th style="background-color: #d9e1f2;">Pelanggan : Bank 85:15</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="background-color: #d9e1f2;">Modal (Jumlah Pelaburan)</td> <td style="background-color: #d9e1f2;">RM 50,000</td> <td style="background-color: #d9e1f2;">Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan</td> <td style="background-color: #d9e1f2;">4.05% setahun</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #d9e1f2;">Tarikh Matang</td> <td style="background-color: #d9e1f2;">31 January 2020</td> <td style="background-color: #d9e1f2;">Tempoh Pelaburan</td> <td style="background-color: #d9e1f2;">3 bulan</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota :</p> <table border="1" style="margin-bottom: 20px; width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <tr> <td style="width: 25%;">Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan</td> <td style="width: 10%;">$=$</td> <td style="width: 25%;">Modal (Jumlah Pelaburan)</td> <td style="width: 10%;">\times</td> <td style="width: 25%;">Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan (setahun)</td> <td style="width: 10%;">\times</td> <td style="width: 25%;">Bilangan Hari / 365</td> </tr> <tr> <td>RM 535.62</td> <td></td> <td>RM 50,000</td> <td></td> <td>4.05%</td> <td></td> <td>92/365</td> </tr> </table> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <tr> <td style="width: 33%;">Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan (setahun)</td> <td style="width: 10%;">$=$</td> <td style="width: 33%;">Nisbah Perkongsian Untung (PSR)</td> <td style="width: 10%;">\times</td> <td style="width: 33%;">Keuntungan Kasar</td> </tr> <tr> <td>4.05%</td> <td></td> <td>85%</td> <td></td> <td>4.76%</td> </tr> </table>	Tarikh Pelaburan	1 November 2019	Nisbah Perkongsian Untung (PSR)	Pelanggan : Bank 85:15	Modal (Jumlah Pelaburan)	RM 50,000	Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan	4.05% setahun	Tarikh Matang	31 January 2020	Tempoh Pelaburan	3 bulan	Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan	$=$	Modal (Jumlah Pelaburan)	\times	Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan (setahun)	\times	Bilangan Hari / 365	RM 535.62		RM 50,000		4.05%		92/365	Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan (setahun)	$=$	Nisbah Perkongsian Untung (PSR)	\times	Keuntungan Kasar	4.05%		85%		4.76%
Tarikh Pelaburan	1 November 2019	Nisbah Perkongsian Untung (PSR)	Pelanggan : Bank 85:15																																		
Modal (Jumlah Pelaburan)	RM 50,000	Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan	4.05% setahun																																		
Tarikh Matang	31 January 2020	Tempoh Pelaburan	3 bulan																																		
Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan	$=$	Modal (Jumlah Pelaburan)	\times	Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan (setahun)	\times	Bilangan Hari / 365																															
RM 535.62		RM 50,000		4.05%		92/365																															
Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan (setahun)	$=$	Nisbah Perkongsian Untung (PSR)	\times	Keuntungan Kasar																																	
4.05%		85%		4.76%																																	
Pengeluaran Pramatang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan. 2. Pengeluaran Pramatang dibenarkan tetapi tiada keuntungan akan diberikan sekiranya TIA-i tidak mencapai tempoh matang yang telah ditentukan. 																																				
Pembukaan Akaun	<ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk pemilik CASA-i / CASA sedia ada, langganan TIA-i boleh dibuat melalui Hong Leong Connect. 2. Untuk bukan pemilik CASA-i / CASA, IAH dikehendaki membuka CASA-i di kaunter HLISB / HLBB. IAH akan diberi akses kepada Hong Leong Connect untuk melanggan TIA-i. 																																				
Pengeluaran TIA-i	Pengeluaran TIA-i hanya boleh dibuat melalui Hong Leong Connect.																																				
Perlindungan PIDM	Produk ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").																																				

4. Apakah Kemungkinan Hasil Daripada Pelaburan Saya?

- IAH berpotensi untuk menerima pulangan yang lebih tinggi berbanding deposit berjangka, bergantung kepada prestasi aset pendasar pelaburan.
- Modal dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin dalam keadaan TIA-i mengalami kerugian atau tidak mencapai prestasi yang dijangkakan.

Jangkaan Keuntungan & Kerugian (Bagi Pelaburan sebanyak RM 50,000)

Simulasi Pasaran Terbaik			Simulasi Pasaran Terburuk		
Tarikh	OPR	Kadar Keuntungan kepada IAH	Tarikh	OPR	Kadar Keuntungan kepada IAH
Jan 2018	Meningkat sebanyak 25 **bps	*3.66%	Jan 2018	Menurun sebanyak 55 **bps	*1.66%
*Angka hanya untuk tujuan ilustrasi ** 1 bps = 0.0001			* Angka hanya untuk tujuan ilustrasi ** 1 bps = 0.0001		

Nota:
 Senario Pasaran Terbaik dan Terburuk adalah berdasarkan kepada data tertinggi (26 April 2006) dan terendah (8 Ogos 2005) Kadar Dasar Semalam (“OPR”) Bank Negara Malaysia (“BNM”) dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu, iaitukenaikan /penurunan OPR diandaikan memberi kesan langsung kepada pulangan portfolio (iaitu peningkatan 25 mata asas (bps) atau penurunan 55 mata asas (bps) kepada pulangan Akaun Pelaburan), dan dengan semua faktor lain tidak berubah.

PENILAIAN

Bank akan membuat penilaian ke atas aset-aset pendasar Dana selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS 9”) yang akan dilaksanakan secara bulanan.

Laporan prestasi Dana akan disediakan bersama penyata suku kewangan di semua cawangan dan disiarkan melalui laman sesawang di <https://www.hlisb.com.my/IA-i>

RISIKO UTAMA

5. Apakah Risiko Utama Yang Berkaitan Dengan Produk Ini?

(a) Risiko Kehilangan Modal	Pelaburan mempunyai risiko berlaku pengurangan kepada nilai asal pelaburan. Bagi menguruskan risiko ini, Bank hanya akan melaburkan dana dalam portfolio aset pembiayaan yang berisiko rendah dan menerapkan standard/tetapan pengurusan pelaburan yang kukuh. Pengimbangan semula portfolio boleh dilaksanakan untuk memastikan aset-aset yang tidak sesuai dengan strategi dan objektif dana pengimbangan semula.
(b) Risiko Pasaran	Risiko Pasaran ialah kemungkinan pelabur akan mengalami kerugian atas faktor-faktor yang boleh menjelaskan prestasi keseluruhan pasaran kewangan, yang secara tidak langsung akan menjelaskan prestasi aset-aset pendasar utama. Bank akan memantau dan menguruskan pendedahan kepada risiko pasaran dengan menggunakan sistem pengurusan risiko yang sedia ada. Ini bagi membolehkan Bank menguruskan kedudukan dana secaraefektif berdasarkan rangkakerja risiko yang telah diluluskan.
(c) Risiko Kecairan	Risiko Kecairan ialah risiko Bank berkemungkinan tidak dapat memenuhi permintaan pengeluaran jangka masa pendek daripada IAH. Berdasarkan kepada rekod aktiviti pengeluaran yang terdahulu, Bank akan menjalankan'stress test' dan membangunkan kaedah bagi mengurangkan risiko kecairan. Ketidaksamaan aliran tunai berdasarkan tempoh matang akan dianalisa dan dipantau di bawah rangkakerja kecairan sebagaimana yang dinyatakan oleh BNM. Potensi kerugian yang terhasil daripada risiko kecairan ke atas IAH akan mengakibatkan pulangan yang lebih rendah dan potensi nilai modal asal berkurangan.
(d) Risiko Kredit	Risiko ini boleh terjadi apabila sejumlah besar daripada aset pendasar dana mengalami kegagalan. Ini akan diuruskan oleh Bank dengan pemilihan secara teliti aset yang berpotensi dan berkelayakan, serta pengawasan yang rapi ke atas prestasi aset-aset yang terpilih untuk memastikan pelaburan tersebut selari dengan strategi dan objektif dana..
(e) Risiko Keputusan Pelaburan	Risiko ini berlaku sekiranya peruntukan aset untuk dilaburkan tidak sejajar dengan pergerakan pasaran. Oleh itu, pemilihan yang teliti dan tadbir urus yang ketat akan dilaksanakan oleh Bank dalam proses membuat keputusan.
(f) Risiko Tidak Patuh Pengawalseliaan	Situasi ini berlaku apabila pelaburan gagal mematuhi parameter yang ditetapkan oleh pengawal selia yang berkenaan. Risiko ini akan diuruskan melalui pelaksanaan polisi dan prosedur bank secara keseluruhannya.
(g) Risiko Tidak Patuh Syariah	Risiko ini berlaku apabila Bank gagal untuk mematuhi peraturan dan prinsip Syariah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM atau Jawatankuasa Syariah Bank. Bank akan memantau perkara ini dengan panduan daripada Jawatankuasa Syariah Bank untuk memastikan pelaburan tersebut mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.
(h) Risiko Negara	Kestabilan ekonomi dan politik sesuatu negara boleh mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi aset pelaburan.
(i) Risiko Industri / Sektor	Setiap industri/sektor terdedah kepada pelbagai elemen risiko. Oleh itu, kepelbagaiaan aset dan pemilihan teliti terhadap sesuatu industri / sektor adalah penting bagi Bank dalam menguruskan risiko tersebut.

'Anda dinasihatkan untuk berhati-hati mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan.'

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

6. Apa Yang Perlu Dilakukan Jika Saya Menukar Maklumat Hubungan?

Anda perlu memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang penukaran maklumat hubungan untuk memastikan semua perhubungan dan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat surat-menyurat anda, sila hubungi talian kami di +603-7626 8899 atau lawati mana-mana cawangan Hong Leong Islamic Bank Berhad / Hong Leong Bank Berhad di seluruh negara.

7. Siapa Yang Perlu Saya Hubungi Jika Ingin Membuat Aduan?

1. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, kebimbangan atau komen sila hubungi, e-mel atau faks kami di:

Service Recovery & Complaint Resolution - Customer Experience

Hong Leong Bank Berhad,
13A Floor, Menara Hong Leong,
No 6, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-7626 8899 Faks : 03-7946 8888 E-mel : HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian, sila rujuk kepada Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK

Alamat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia, P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Telefon : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

PERINGATAN

PULANGAN DARIPADA AKAUN PELABURANINI DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN MENGHADAPI RISIKO TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURANINI DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN AKAN KEHILANGAN SEBAHAGIAN ATAU KESEMUA JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURANINI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM").

Maklumat di dalam helaian pendedahan ini sah pada 31 Disember sehingga 6 Januari 2020